

Kerjasama UMNO, Pas gerunkan Dr. Mahathir

UM-3/2/2019 m/s: 66

Oleh **FADZIL ZAINOL**

penarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 FEB.

JIKA Pas dan UMNO berkerjasama dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu, anak Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri, Datuk Seri Mukhriz Mahathir akan kalah di kerusi Parlimen Jerlun, Kedah.

Selain itu, beberapa lagi kawasan antaranya Parlimen Tambun, Titiwangsa, Sungai Besar serta Kuala Selangor akan menyaksikan calon-calon Pakatan Harapan (PH) kecundang sekiranya kerjasama Pas-UMNO diteruskan dalam pilihan raya seterusnya.

Keadaan itu pastinya merisaukan Dr. Mahathir yang kini agak bergelut mengetuai kerajaan yang tindak-tanduknya dilihat 'tidak mengembirakan' orang Melayu.

Sindirannya semalam yang mengaitkan kemenangan pembangkang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Cameron

Highlands baru-baru ini kerana ada gabungan antara parti Islam Pas dan 'parti kafir' merupakan antara petunjuk kegerunan Perdana Menteri terhadap kerjasama Pas dan UMNO.

Label 'parti kafir' didakwa sering digunakan Pas bagi merujuk kepada UMNO terutama sewaktu parti itu dipimpin Dr. Mahathir.

Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, **Muhammad Khalil Abdul Hadi** memberitahu, kata-kata seperti yang terke luar daripada mulut Dr. Mahathir itu tidak perlu dilayan, sebaliknya Pas dan UMNO perlu meneruskan kerjasama kedua-dua parti tersebut.

"Saya tidak membaca kenyataan penuh beliau (Dr. Mahathir) tetapi persefahaman politik antara Pas dan UMNO menggerunkan PH. Kita tidak perlu layan hal sebegini (sindiran Dr.



MUHAMMAD KHALIL



ASYRAF WAJDI

Mahathir) dan kita perlu menuju ke hadapan.

"Yang penting, kerjasama UMNO dan Pas dalam PRK dan pilihan raya umum akan datang perlu memastikan persembungan satu lawan satu antara PH dan UMNO-Pas, bukan lagi tiga penjuru," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Pada masa sama, Ketua Pemuda UMNO, **Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuqi** menzahirkan rasa kasihan dan bersimpati terhadap Dr. Mahathir yang masih membangkitkan perkara tersebut.

"Terdesak sungguh nampaknya Tun, saya kasihan dan simpati.

Sekurang-kurangnya UMNO sudah melepasi era 22 tahun Tun sebagai Presiden UMNO dulu yang sentiasa tanam perasaan benci kepada Pas," katanya menerusi kenyataan dalam akaun Facebook beliau hari ini.